Bank Bumiputra Malaysia Bhd lwn Tetuan Wan Marican Hamzah & Shaik & lain-lain

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN SIVIL NO S4–22–555–92
MOKHTAR SIDIN H
3 DISEMBER 1993

Acara Sivil *— Membatalkan writ — Had masa — Kes kecuaian — Bila kausa tindakan bermula — Sama ada tindakan telah melebihi enam tahun daripada kecuaian perlanggaran kewajipan yang dinyatakan oleh plaintif — Akta Had Masa 1953*

Tort *— Kecuaian — Kecuaian profesional — Bila kausa tindakan bermula — Bila kecuaian dilakukan — Sama ada pada tarikh perbuatan kecuaian berlaku atau bila kecuaian diketahui oleh plaintif*

Plaintif, sebuah bank, telah menuntut ganti rugi daripada defendan, sebuah firma guaman dan rakan kongsi firma itu. Plaintif berhujah bahawa defendan telah gagal menyempurnakan dokumen-dokumen tertentu dan akibatnya, plaintif telah mengalami kerugian. Defendan dalam pernyataan pembelaannya telah menyatakan bahawa: (i) kerugian yang dialami oleh plaintif bukanlah atas kecuaian defendan; dan (ii) plaintif tidak berhak mengambil tindakan ini kerana tindakan ini telah melebihi enam tahun daripada kecuaian perlanggaran kewajipan yang telah dinyatakan oleh plaintif. Plaintif telah memfailkan suatu permohonan untuk mendapat penghakiman terus di bawah A 18 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980. Defendan pula telah memfailkan suatu permohonan untuk membatalkan writ dan pernyataan tuntutan plaintif.

Diputuskan, membenarkan permohonan defendan dan membatalkan tuntutan plaintif:
Di dalam suatu kes kecuaian, kausa tindakan bermula apabila seseorang itu mengalami kerugian di atas kecuaian tersebut. Pengiraan had masa dikira dari tarikh kerugian itu bermula. Di dalam kes ini, kausa tindakan plaintif ialah kecuaian defendan yang berlaku pada 30 Ogos 1984 dan kecuaian itu diketahui oleh plaintif selewat-lewatnya pada 18 April 1986. Oleh itu, kausa tindakan bermula selewat-lewatnya pada 18 April 1986 dan notis untuk memulakan tindakan yang bertarikh 4 Ogos 1992 telah melebihi enam tahun sebagaimana yang dihadkan oleh Akta Had Masa 1953.

[English summary

The plaintiff, a bank, claimed damages from the defendant, a legal firm and the partners of that firm. The plaintiff argued that the defendant had failed to execute certain documents, causing the plaintiff to suffer losses. In their statement of defence, the defendant stated that: (i) the loss suffered by the plaintiff was not the result of the

A defendant's negligence; and (ii) the plaintiff had no right to bring the action as the action was brought more than six years after the defendant's alleged breach of duty of care. The plaintiff filed an application for summary judgment under O 18 of the Rules of the High Court 1980, whereas the defendant filed an application to strike out the plaintiff's writ and statement of claim.

B

Held, allowing the defendant's application and striking out the plaintiff's claim:

In a case involving negligence, the cause of action arises when a person suffers loss as a result of the negligence. Time starts to run C from the date when the loss is suffered. In this case, the plaintiff's cause of action was the defendant's negligence on 30 August 1984 and the plaintiff knew of the negligence on 18 April 1986, at the very latest. Therefore, the cause of action arose on 18 April 1986 at the very latest and the notice to begin the action dated 4 August 1992 had D exceeded the six-year limitation period as prescribed by the Limitation Act 1953.]

Kes-kes rujukan

1 *Forster v Outred & Co* [1982] 2 All ER 753; [1982] 1 WLR 86 (dirujuk)

E 2 *Pirelli General Cable Works Ltd v Oscar Faber & Partners* [1983] 1 All ER 65; [1983] 2 AC 1; [1983] 2 WLR 6 (dirujuk)

Paramjit Kaur Dhillon (*Aziz & Mazlan*) bagi pihak plaintif.

Azhar bin Arman Ali (*Wan Marican, Hamzah & Shaik*) bagi pihak F defendan-defendan.

Mokhtar Sidin H: Ini adalah tuntutan ganti rugi oleh plaintif iaitu sebuah bank, ke atas defendan, iaitu satu firma guaman dan rakan kongsi firma tersebut. Defendan pertama adalah firma guaman manakala defendan kedua dan ketiga adalah rakan kongsi bagi defendan pertama. Mengikut pernyataan G tuntutannya, plaintif menyatakan bahawa pada 7 Ogos 1984 plaintif telah mengarahkan defendan pertama untuk menyediakan dan mendaftarkan dokumen-dokumen gadaian/cagaran berkenaan kemudahan overdraf berjumlah RM120,000 yang telah diluluskan oleh plaintif kepada seorang bernama Rosley bte Wahab. Melalui surat defendan pertama bertarikh H 30 Ogos 1984, defendan pertama telah menyatakan yang ia telah menyempurnakan urusan pendaftaran dokumen-dokumen gadaian/cagaran di Pejabat Tanah, Padang Terap, Kedah. Mengikut plaintif, berasaskan surat defendan pertama itu, ia telah mengeluarkan wang sejumlah RM120,000 kepada Rosley bte Wahab. Plaintif menyatakan ia melepaskan wang berkenaan di atas kepercayaan bahawa semua dokumen-dokumen I gadaian/cagaran telahpun disempurnakan oleh defendan pertama. Plaintif kemudiannya telah mendapat tahu bahawa defendan telah gagal menyempurnakan dokumen-dokumen gadaian/cagaran yang dinyatakan di atas dan di atas alasan tersebut, plaintif telah menyatakan defendan telah

cuai. Di atas kecuaian tersebut plaintif menyatakan yang ia telah mengalami kerugian wang yang dilepaskan kepada Rosley bte Wahab dan faedah yang boleh dikenakan sehingga 27 Julai 1992 berjumlah RM325,916.62. Dengan itu, plaintif sekarang menuntut ganti rugi jumlah tersebut daripada defendan.

Defendan di dalam pernyataan pembelaannya menyatakan bahawa kerugian yang dialami oleh plaintif bukanlah di atas kecuaian defendan tetapi di atas kegagalan Rosley bte Wahab yang telah melanggar perjanjian pinjaman yang dibuat olehnya dengan plaintif. Keduanya, defendan telah menyatakan bahawa plaintif tidak berhak untuk mengambil tindakan kerana tindakan ini telah melebihi enam tahun daripada kecuaian dan perlanggaran kewajipan yang telah dinyatakan oleh plaintif. Halangan ini telah diperuntukkan oleh s 6 Akta Had Masa 1953 ('Akta itu').

Plaintif telah memfailkan suatu permohonan bertarikh 6 Mac 1993 untuk mendapatkan penghakiman terus di bawah A 18 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 di atas alasan bahawa pembelaan defendan tidak menunjukkan apa-apa pembelaan yang berasas. Defendan pula telah memfailkan suatu permohonan bertarikh 28 April 1993 untuk membatalkan writ dan pernyataan tuntutan plaintif. Kedua-dua permohonan telah ditetapkan untuk pendengaran serentak di hadapan saya.

Di hari pendengaran permohonan pada 15 Oktober 1993, saya telah membuat keputusan untuk mendengar permohonan defendan dahulu kerana saya berpendapat sekiranya permohonan defendan dibenarkan maka tuntutan dan permohonan plaintif dengan sendirinya akan lupus. Di dalam permohonan defendan, setelah menelitinya saya berpendapat defendan hanya membangkitkan satu isu yang boleh dipertimbangkan dan mempunyai merit iaitu tuntutan plaintif telah melebihi had masa yang diperuntukkan oleh undang-undang dan oleh itu plaintif tidak berhak membuat tuntutan ini. Plaintif telah membantah isu ini ditimbulkan oleh defendan kerana ia tidak dibangkitkan di dalam permohonan. Adalah jelas kepada saya bahawa isu ini telah dibangkitkan di dalam pernyataan pembelaannya dan juga di dalam afidavit menyokong permohonan defendan. Di samping itu, saya berpendapat ini adalah merupakan satu isu undang-undang dan dengan itu mana-mana pihak boleh membangkitkannya pada bila-bila masa. Dengan itu saya telah menolak bantahan oleh plaintif.

Berkenaan isu ini, defendan menyatakan bahawa plaintif tidak berhak mengambil tindakan ini kerana ia melebihi tempoh enam tahun sebagaimana yang diperuntukkan oleh Akta itu. Defendan menyatakan kausa tindakan plaintif ialah berasaskan 'tortious liability' iaitu kecuaian (negligence) yang telah dilakukan oleh defendan. Ini tidak dinafikan oleh plaintif. Defendan seterusnya menyatakan bahawa sesuatu tindakan 'tort' sebagaimana yang diperuntukkan oleh s 6 Akta itu hendaklah dimulakan di dalam tempoh enam tahun apabila kausa itu bermula.

Di dalam kes ini, sebagaimana yang dinyatakan di atas, tindakan plaintif ke atas defendan ialah kecuaian defendan untuk mendaftarkan dokumen-dokumen gadaian/cagaran di pejabat tanah. Akibat kecuaian tersebut, plaintif telah mengalami kerugian kerana melepaskan wang overdraf kepada Rosley bte Wahab. Persoalannya sekarang ialah bilakah kecuaian yang mengakibatkan kerugian dilakukan oleh defendan. Fakta yang tidak

dipertikaikan ialah pada 30 Ogos 1984, plaintif telah mengarahkan defendan mendaftarkan dokumen-dokumen yang dinyatakan di atas. Defendan telah gagal membuat pendaftaran berkenaan. Adalah jelas kepada saya bahawa pada 18 April 1986, iaitu melalui satu surat daripada plaintif kepada defendan pertama, plaintif sendiri telah mengetahui bahawa dokumen-dokumen tersebut tidak didaftarkan dan dengan itu kecuaian telah berlaku. Sungguhpun plaintif mengetahui perkara ini ia tidak mengambil apa-apa tindakan untuk meminta Rosley bte Wahab untuk membuat pembayaran balik atau memanggil balik (recall) overdraf yang telah diberikan. Surat terakhir plaintif kepada defendan pada 1 October 1986 di mana dengan jelas menunjukkan plaintif mengetahui bahawa defendan masih lagi belum mendaftarkan dokumen-dokumen tersebut, iaitu kecuaian belum lagi dibetulkan. Selepas itu tidak ada perhubungan antara plaintif dan defendan sehingga plaintif melalui peguamnya memberi notis bertulis bertarikh 4 Ogos 1992 untuk memulakan tindakan di atas kegagalan defendan pertama mendaftarkan dokumen-dokumen tersebut sebagaimana yang diarahkan oleh plaintif melalui suratnya bertarikh 30 Ogos 1984.

Defendan telah menyatakan bahawa kecuaian yang telah dilakukan ialah pada 30 Ogos 1984 atau selewat-lewatnya pada 18 April 1986 apabila plaintif telah mendapat tahu kecuaian itu telah berlaku. Dengan itu, defendan telah menyatakan had masa telah bermula pada 30 Ogos 1984 apabila kecuaian itu berlaku atau selewat-lewatnya pada 18 April 1986 apabila kecuaian yang telah dilakukan diketahui oleh plaintif.

Plaintif pula berhujah bahawa ia telah mengalami kerugian akibat kecuaian defendan pertama sehingga sekarang apabila Rosley bte Wahab gagal membuat pembayaran. Dengan itu kerugian yang dialami oleh plaintif adalah berlanjutan dan berterusan selagi Rosley bte Wahab belum menjelaskan pinjamannya dan ini berlaku sehingga sekarang. Dengan itu plaintif berhak memulakan tindakannya selagi Rosley bte Wahab belum menjelaskan hutangnya dan had masa belum bermula.

Setelah meneliti fakta-fakta yang dikemukakan di dalam pernyataan pembelaan dan afidavit, tindakan plaintif berasaskan kecuaian defendan dan di atas kecuaian tersebut plaintif mengalami kerugian. Kausa tindakan plaintif ialah kecuaian defendan dan bukannya kegagalan Rosley bte Wahab membuat pembayaran pinjaman. Daripada fakta yang dinyatakan di atas, kecuaian defendan berlaku pada 30 Ogos 1984 dan kecuaian ini telah diketahui oleh plaintif selewat-lewatnya pada 18 April 1986. Dengan itu, pada pendapat saya, kausa tindakan bermula pada 18 April 1986. Oleh itu notis untuk memulakan tindakan bertarikh 4 Ogos 1992 telah melebihi enam tahun sebagaimana yang dihadkan oleh Akta itu. Penetapan tarikh kausa ini telah dinyatakan di dalam kes *Forster v Outred & Co*[1] di mana mahkamah telah memutuskan seperti berikut [pada ms 754]:

> Held — Where a plaintiff alleged that he had suffered economic loss in consequence of a solicitor's negligent advice, actual damage occurred and the plaintiff's cause of action was complete when in reliance on the solicitor's negligent advice the plaintiff acted to his detriment by incurring a contingent liability which was capable of monetary assessment. Accordingly, the plaintiff had suffered actual damage through the defendants' negligence, and her cause of

action was therefore complete, when she entered into the mortgage on 8 February 1973, because the effect of her entering into the mortgage was to encumber her freehold property with a legal charge and to subject her to a contingent liability to discharge her son's liabilities to the company, which might (as it in fact did) mature into financial loss and in consequence diminish her equity of redemption.

Di dalam kes ini, prinsip yang dinyatakan ialah kausa tindakan bermula apabila berasaskan kecuaian yang dibuat, tindakan telah diambil di atas kecuaian tersebut.

Di dalam kes *Pirelli General Cable Works Ltd v Oscar Faber & Partners*[2] pula, diputuskan seperti berikut:

Held — A cause of action in tort for negligence in the design or workmanship of a building accrued at the date when physical damage occurred to the building, eg by the formation of cracks, as a result of a defect, whether or not the damage could have been discovered with reasonable diligence at that date by the plaintiff. It followed therefore that the plaintiffs' claim was time-barred because the cause of action accrued in April 1970 when damage, in the form of cracks at the top of the chimney, came into existence.

Kes ini pula menyatakan bahawa kausa tindakan di dalam kes kecuaian bermula apabila kerugian itu mula berlaku sama ada pihak yang mengalami kerugian itu mengetahuinya atau tidak.

Pada kesimpulannya, mengikut prinsip yang dinyatakan di dalam kedua-dua kes di atas, di dalam sesuatu kes kecuaian, kausa tindakan bermula apabila seseorang itu mengalami kerugian di atas kecuaian tersebut. Pengiraan had masa dikira dari tarikh kerugian itu bermula. Dengan it, di dalam kes ini sekarang, berasaskan kecuaian defendan yang telah menyatakan dokumen-dokumen cagaran/gadaian telah disempurnakan, plaintif telah melepaskan pinjaman overdraf kepada Rosley bte Wahab yang mengakibatkan kerugian kepada plaintif. Kerugian yang berterusan yang dialami oleh plaintif bukan lagi disebabkan oleh kecuaian defendan. Di atas sebab tersebut, saya berpendapat bahawa kausa tindakan di atas kecuaian defendan bermula pada 30 Ogos 1984 apabila berasaskan surat defendan pertama pinjaman overdraf telah diberikan. Selewat-lewatnya ialah pada 18 April 1986 apabila plaintif telah dengan jelas mengetahui kecuaian defendan yang menyebabkan kerugian ke atasnya. Kedua-dua tarikh ini telah melebihi had masa enam tahun sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang.

Dengan itu, saya telah membenarkan permohonan oleh defendan dengan kos. Dengan itu juga, saya membuat perintah supaya tuntutan plaintif dibatalkan.

Permohonan defendan dibenarkan dan tuntutan plaintif dibatalkan.

Reported by Jeanne Tan